

# Tengku Hassanal dimasyhur Canselor KUIPSAS

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA  
pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 3 SEPT.

**P**EMANGKU Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dimasyhurkan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

Baginda yang juga Tengku Mahkota Pahang dimasyhurkan sebagai Canselor KUIPSAS kedua menggantikan Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah.

Almarhum Sultan Ahmad Shah dimasyhurkan sebagai Canselor KUIPSAS bermula Februari 2016 sehingga nenda kepada Pemangku Raja Pahang itu mangkat pada 22 Mei lalu.

Istiadat pemasyhuran Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah diadakan sempena Konvokesyen Ke-18 KUIPSAS di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Pemasyhuran Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah sebagai Canselor KUIPSAS yang baharu diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail yang juga Pro-Canselor kolej universiti berkenaan.

Selepas pengumuman itu, Wan Rosdy menyarungkan jubah sebagai Canselor KUIPSAS kepada Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah.

Pemangku Raja Pahang itu dalam titahnya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi kepercayaan kepada baginda untuk menggalas tanggungjawab seba-



**TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH AL-SULTAN ABDULLAH dimasyhurkan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) oleh Wan Rosdy Wan Ismail sempena Konvokesyen KUIPSAS di Kuantan, Pahang, semalam. - BERNAMA**

gai Canselor KUIPSAS yang baharu.

"Saya terharu dengan kepercayaan yang diberikan untuk menggalas tanggungjawab besar ini. Saya berjanji akan meneruskan hasrat dan kepemimpinan almarhum nenda saya untuk melihat KUIPSAS terus berkembang ke arah melaksanakan peranannya sebagai pusat pendidikan Islam bagi rakyat negeri ini serta Malaysia," titah baginda.

Seramai 360 orang terdiri 135

lelaki dan 225 wanita dari Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Pengurusan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Fakulti Pengajian Bahasa dan Asasi KUIPSAS menerima diploma masing-masing hari ini.

Jumlah itu merupakan bilangan kedua tertinggi sejak KUIPSAS mengadakan istiadat konvokesyennya pada 1999.

Sejak ditubuhkan, seramai 5,328 graduan dilahirkan kolej universiti berkenaan.